

25/08/2003

BN Sabah tidak kisah pilihan raya serentak

Lichong Angkui

PAPAR: Ketua Menteri Datuk Musa Aman tidak tahu menahu mengenai khabar angin kononnya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah akan dibubarkan minggu depan bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan.

"Itu saya tak tahu... saya baru balik dari luar negara," katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri di sini, semalam.

Beliau yang baru pulang kelmarin daripada menyertai lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Syria, diminta mengulas mengenai khabar angin kononnya DUN Sabah akan dibubarkan minggu depan bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan September.

Penggal pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah sekarang dijadual berakhir Mac depan, tetapi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjelaskan pilihan raya negeri boleh diadakan sehingga Jun tahun depan.

Ketika ini, 47 kerusi DUN dikuasai BN dan hanya satu kawasan diwakili Bebas, iaitu Datuk Dr Jeffrey Kitingan (Bingkor), yang permohonannya menyertai Umno ditolak selepas dipecat daripada Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), kira-kira setahun lalu.

Mengenai kenyataan Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, yang menjangka pilihan raya Sabah diadakan serentak dengan Parlimen tahun depan bagi mengurangkan kos, Musa yang juga Pengerusi BN Sabah berkata, Umno dan BN Sabah bersedia pada bila-bila masa ia diadakan.

"Umno dan seluruh parti komponen BN memang sudah bersedia menghadapi pilihan raya bila-bila masa. Bagaimanapun, terpulang kepada pucuk pimpinan, dan kita akan berbincang mengenai tarikh sesuai.

"Bagi kita, mana-mana pun boleh (serentak atau berasingan). Kita dulu (awal) pun boleh, kita serentak pun boleh...tiada masalah. Insya-Allah," katanya, sambil menjelaskan bahawa muafakat di kalangan semua parti komponen kini dalam keadaan amat baik.

Ditanya mengenai peluang BN menyapu bersih semua kerusi negeri, jika ia diadakan serentak dengan Parlimen, beliau berkata BN Sabah tidak risau kerana berkeyakinan mampu mencapai kemenangan mutlak.

Mengenai budaya melompat parti sesama komponen BN, beliau berkata, perkara sedemikian tidak seharusnya berlaku lagi.

Katanya, perbuatan sedemikian tidak baik untuk parti kerana setiap pemimpin mempunyai parti masing-masing, justeru mereka perlu komited.

Ditanya mengenai lawatan Dr Mahathir ke Syria, Musa menyifatkannya sebagai berjaya dengan termeterainya 12 memorandum persefahaman sepanjang lawatan itu.

Beliau yakin lawatan itu mampu memantapkan lagi hubungan antara kedua negara dan menjelaskan, Sabah akan memanfaatkan mana-mana bidang yang bersesuaian untuk dimajukan.